

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]**

**TARIKH : 28 JULAI 2020**

**SOALAN**

**YB TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek infrastruktur Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan tahap kemajuan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN : YB DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh RMKe-11 iaitu dari tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 1,301 projek infrastruktur dengan kos RM65 bilion dilaksanakan di negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang di mana sebanyak 517 projek telah siap dan 784 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Ringkasan jumlah dan kos projek mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Projek Infrastruktur</b>	<b>Kos Projek (RM Bilion)</b>
1.	Kelantan	415	18.53
2.	Pahang	483	26.56
3.	Terengganu	403	19.77
<b>Jumlah</b>		<b>1,301</b>	<b>64.87</b>

Sumber: Maklumat dijana daripada Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) pada 10 Julai 2020